



# SG Digital

Kit Permulaan tentang  
Melindungi Data  
Peribadi Anda



## TAHUKAH ANDA?

Anda berkongsi data peribadi dengan setiap transaksi atau interaksi dalam talian yang anda lakukan. Justeru, anda harus sedar bahawa terdapat cara-cara untuk anda pastikan data peribadi anda dapat diurus dengan baik. Berikut satu senarai periksa yang membantu anda menguruskan data anda secara bertanggungjawab.

### LANGKAH 1

#### Buat transaksi dengan pertubuhan yang dipercayai




Lakukan transaksi dengan pertubuhan yang anda percaya dapat menjaga data peribadi anda.

Cari pertubuhan yang memaparkan logo Tanda Cap Perlindungan Data (DPTM) sebagai jaminan tambahan bahawa data peribadi anda akan disimpan dengan selamat. Pertubuhan yang memiliki sijil DPTM mempunyai amalan penjagaan data yang boleh dipercayai untuk melindungi data peribadi anda dengan lebih baik.

Ketahui lebih lanjut <https://go.gov.sg/dptm>.

### LANGKAH 2

#### Baca semua Peraturan & Syarat



Laman-laman web diperlukan untuk menyediakan maklumat tentang penggunaan serta sebab data-data peribadi yang dikumpulkan di dalam dasar-dasar perlindungan data atau privasi mereka. Aplikasi mudah alih juga menyediakan maklumat serupa dan mereka diperlukan untuk mendapatkan kebenaran anda sebelum anda memuat-turunkan aplikasi tersebut.

Ambil masa untuk membaca kesemua peraturan dan syarat-syarat untuk memahami tentang data-data yang diambil daripada anda serta bagaimana data anda diuruskan, dengan lebih baik.

### LANGKAH 3 Ambil langkah pantas dan segera untuk lindungi data anda



Pertubuhan diperlukan untuk memberitahu anda sekiranya berlaku sebarang pencerobohan data dan yang boleh menyebabkan sebarang risiko atau gangguan yang tidak diinginkan pada diri anda. Apabila perkara tersebut berlaku, anda harus mengikuti langkah-langkah perlu yang telah dinasihatkan oleh pertubuhan tersebut bagi menguruskan data peribadi anda, seperti menukar kata laluan anda, atau menghubungi bank atau institusi kewangan anda untuk melindungi diri anda daripada sebarang bayaran yang tidak diketahui.

Kredit: Suruhanjaya Perlindungan Data Peribadi (PDPC)



**SG:DIGITAL**



INFOCOMM  
MEDIA  
DEVELOPMENT  
AUTHORITY